

E-BULETIN  
EDISI  
2023



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Cawangan Negeri Sembilan  
Kampus Rembau



e-BULETIN  
2023

FAKULTI  
PENGURUSAN  
& PERNIAGAAN  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN  
KAMPUS REMBAU



# BARANG KEMAS WANITA: ADAKAH ZAKATNYA WAJIB DIBAYAR?

*Nor'Azurah Md  
Kamdari, Farrah  
Othman & Sharfizie  
Mohd Sharip*

*Fakulti Pengurusan dan  
Perniagaan  
Universiti Teknologi MARA  
Cawangan Negeri Sembilan  
Kampus Rembau*

Wanita dan barang kemas sebagai perhiasan tidak boleh dipisahkan. Bagi golongan wanita yang mengikut *trend* terkini, sungguh pun harga emas segram naik melambung tinggi sehingga boleh mencecah sehingga RM300 ke atas, penggemarnya masih mampu memilikinya. Justeru, dalam kehairahan mengumpul perhiasan emas ini, adakah golongan ini sedar akan kewajipan untuk membayar zakat emas perhiasan? Ramai di kalangan masyarakat Islam di Malaysia mempunyai persepsi bahawa barang perhiasan tidak dikenakan zakat sebanyak manapun ia dimiliki dengan syarat ia dipakai sebagai perhiasan wanita.

Zakat emas merupakan salah satu dari zakat harta yang diwajibkan ke atas umat Islam. Kewajipan ini ditetapkan



berdasarkan fatwa negeri-negeri dan ianya tidak seragam di antara satu sama lain. Oleh demikian masih terdapat ramai yang tidak tahu berkaitan kewajipan zakat ini berbeza mengikut uruf di setiap negeri masing-masing.

Apakah itu zakat emas? Islam telah meletakkan zakat emas dibahagikan kepada dua bahagian. Pertama, zakat emas yang disimpan oleh pemiliknya. Manakala yang kedua, zakat emas yang dipakai sebagai perhiasan pemiliknya. Pensyariatkan zakat emas dalam firman Allah S.W.T bermaksud “*Dan mereka yang menyimpan emas dan perak serta tidak membelanjakannya pada jalan Allah (mengeluarkan zakat), maka khabarkanlah kepada mereka dengan (balasan) azab yang pedih pada hari emas dan perak dibakar di dalam neraka jahanam lalu diselar dengannya dahi dan rusuk mereka dan belakang mereka seraya dikatakan kepada mereka inilah harta yang kamu simpan selama ini buat dirimu, maka rasailah balasan apa yang kamu simpan dahulu.*” (Surah at-Taubah: ayat 35).

Emas yang dipakai dan disimpan wajib dikeluarkan zakat sekiranya cukup nisab dan genap haulnya. Nisab bagi zakat emas adalah 85 gram manakala kadar zakatnya ialah 2.5 peratus. Pengiraan zakat emas perhiasan ini juga adalah tidak seragam di kesemua negeri-negeri lain. Terdapat dua kaedah pengiraan zakat yang digunakan iaitu:

Kaedah Pertama: Nilai keseluruhan emas yang melebihi nisab  $(x) 2.5\% =$  jumlah yang dikenakan zakat. Contoh (1): Seorang wanita yang memiliki emas perhiasan yang dipakai beratnya 900 gram di negeri Selangor, maka cara mengira zakatnya ialah seperti berikut: Berat emas x harga emas 1 gram = nilai emas dimiliki  $(x) 2.5\% =$  jumlah dikenakan zakat  $900\text{gram} \times \text{RM}131.18 = \text{RM}118,062 \times 2.5\% = \text{RM}2,951.55$ . Jumlah zakat emas perhiasan bagi 900 gram emas perhiasan di Selangor adalah RM2,951.55. Kaedah pengiraan ini diaplikasi oleh negeri-negeri yang mempunyai nilai nisab yang tinggi seperti negeri Perak, Negeri Selangor dan Pulau Pinang.

Manakala kaedah kedua: Zakat dikenakan hanya ke atas lebihan uruf. Contohnya seperti berikut: Seorang wanita yang memiliki dan memakai emas sebagai perhiasan diri sebanyak 300 gram emas. Maka cara pengiraannya ialah: 300 gram (berat emas yang dipakai) - 200 gram (uruf) = 100 gram (berat emas yang melebihi uruf). Berat emas yang melebihi uruf  $(x)$  harga emas semasa segram  $(x) 2.5\% =$  jumlah zakat yang wajib dibayar.  $100 \text{ gram} (x) \text{RM}131.18 (x) 2.5\% = \text{RM} 327$ . Kaedah ini diaplikasi di negeri-negeri yang rendah nilai nisabnya seperti negeri Kedah, Perlis, Sabah, Sarawak, Melaka, Johor, Negeri Sembilan, Pahang dan Terengganu.

Justeru, golongan wanita disarankan untuk mengambil berat ke atas zakat emas yang dikenakan ke atas diri mereka. Zakat emas itu terlaksana sama ada emas yang dimiliki disimpan atau emas itu dipakai sebagai perhiasan wanita apabila mencukupi syaratnya. Ini kerana zakat merupakan salah satu tuntutan kepada umat Islam dan dalam Rukun Islam yang ketiga iaitu adalah wajib untuk mengeluarkan sebahagian harta yang bukan milik kita kepada golongan yang layak mendapatkannya.